

D.R. 36/93

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Jualan Tajuk ringkas.  
(Pindaan) 1993.
2. Akta Cukai Jualan 1972, yang disebut "Akta ibu" Pindaan seksyen 2—  
Akta 64. dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif "ditetapkan" takrif yang berikut:

Akta 56. \* "dokumen" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950;';

(b) dengan memasukkan selepas takrif—"Ketua Pengarah" takrif yang berikut:

Akm 56. \* "komputer" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950;'; dan

- (c) dengan memasukkan selepas takrif "peratoran<sup>2</sup>" takrif yang berikut:

"pertukaran data elektronik" ertiya pemindahan, dari komputer ke komputer, transaksi perdagangan dan pentadbiran dengan menggunakan standard perutusan yang dipersetujui untuk menstrukturkan data yang berhubungan dengan sesuatu transaksi;.

Pindaan seksyen 43. 3. Seksyen 43 Akta ibu adalah dipinda dalam perenggan (g) dengan menggantikan ungkapan "(3)" dengan ungkapan "(2)".

Pindaan seksyen 64. 4. Seksyen 64 Akta ibu adalah dipinda dengan menjenggantikan perkataan "berkelayakan" dengan perkataan "awam".

Pindaan seksyen 66. 5. Proviso kepada seksyen 66 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "yang tidak di-chetak atau di-keluarkan sa-demikian" perkataan "seperti yang disebut terdahulu, atau memberangkan penggunaan apa-apa borang yang dikemukakan melalui pertukaran data elektronik".

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Jualan 1972 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif bagi perkataan-perkataan yang digunakan dalam Akta.

3. Melalui Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1990, seksyen 17 Akta telah dipinda dan subseksyen 17(3) telah dinomborkan semula sebagai subseksyen 17(2). Walau bagaimanapun pindaan-pindaan berbangkit kepada perenggan 43(g) tidak dibuat. *Fasal 3* bertujuan meminda perenggan 43(g) Akta untuk membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mana-mana orang yang mengeluarkan suatu invois yang menunjukkan jumlah yang berupa sebagai cukai jualan berlawanan dengan subseksyen 17(2).

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 64 Akta untuk membolehkan perakuan audit ditandatangani oleh seorang akauntan awarn.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda proviso kepada seksyen 66 Akta untuk membolehkan Ketua Pengarah membenarkan penggunaan borang-borang yang dikemukakan melalui pertukaran data elektronik.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1758.]